

Saham MAHB tidak dibeli syarikat pro-Zionis

Oleh NURUL IRDINA SUMALI
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Laporan 25 peratus baki saham Malaysia Airport Berhad (MAHB) akan dimiliki syarikat pro-Zionis yang dibangkitkan pihak pembangkang hanya bertujuan untuk menanam rasa benci rakyat kepada kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyelar pembangkang dengan menyifatkan mereka sebagai tidak pernah bersikap positif terhadap usaha yang dilakukan kerajaan termasuk pertemuan beliau dengan pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh.

Beliau berkata, pembangkang hanya tahu menghasut, memfitnah, penuh dengan kebencian dan bersifat dengki.

“Ringgit dan bursa mengukuh hanya menyakitkan hati mereka,” katanya pada hari terakhir lawatan kerja rasmi dua hari ke Kazakhstan, semalam.

Rabu lalu, media melaporkan Gateway Development Alliance dan pemegang sahamnya mengumumkan tawaran sukarela prasyarat bagi mengambil alih semua saham dalam MAHB yang belum dimiliki oleh konsortium berkenaan, pada harga tawaran RM11 sesaham.

Konsortium itu diterajui oleh dua syarikat pelaburan berkaitan kerajaan iaitu Khazannah melalui anak syarikat milik penuhnya UEM Group Bhd. dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pemegang saham konsortium itu juga dianggotai oleh



ANWAR Ibrahim memeriksa barisan kehormatan pasukan keselamatan sambil diiringi Presiden Kazakhstan. Kassym-Jomart Tokayev di Akorda, Astana. Kazakhstan kelmarin. - AFIQ HAMBALI /PEJABAT PERDANA MENTERI

anak syarikat milik penuh Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan dana yang diuruskan oleh Global Infrastructure Partners (GIP), salah satu pelabur infrastruktur terkemuka dunia dengan pengalaman memiliki serta menguruskan lapangan terbang.

Mengenai lawatannya, Anwar berkata, Malaysia dan Kazakhstan sepakat untuk memperkukuhkan hubungan dua hala yang terjalin sejak 16 Mac 1992 dan bersama meneroka

peluang kerjasama baharu.

Beliau berkata, kesepakatan itu dicapai dalam pertemuan dengan Presiden Kazakhstan, Kassym-Jomart Tokeyv di Istana Presiden (Ak Orda) yang disusuli dengan mesyuarat dua hala.

Katanya, mesyuarat tersebut membincangkan dengan lebih luas berkenaan kerjasama negara melibatkan pelbagai sektor seperti perdagangan, pelaburan, pendidikan tinggi, pelancongan dan industri halal.

Sementara itu, mengulas mengenai kejadian tembakan di Balai Polis Ulu Tiram, Johor, semalam, Anwar menggesa pihak polis segera mencari dalangnya dan hadapkan ke muka pengadilan.

“Insiden ini ternyata melibatkan dan menggemparkan negara. Saya ucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban. Saya juga mendoakan anggota yang cedera diberikan kesembuhan segera,” ujar beliau dalam twitternya.